

Penganjuran Persidangan Antarabangsa PERPUN Kali Ke 4, 2015 : Revolusi Informasi

Tarikh : 11-12 Ogos 2015 Tempat : Hotel Avillion Legacy, Melaka

PERPUN yang merujuk kepada Persidangan Perpustakaan Universiti dan Negara merupakan adalah kerjasama forum antara Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia dengan semua Ketua Pustakawan Perpustakaan Universiti Awam serta Perpustakaan Akademik Swasta seperti Uniten, OUM, UTP dan UniKL dalam aspek pengurusan, perkhidmatan dan perkongsian sumber di kalangan ahli-ahlinya.

Menerusi Mesyuarat Persidangan Perpustakaan Universiti dan Negara (PERPUN) tahun 2014, Perpustakaan UTeM telah diberikan kepercayaan untuk menganjurkan 'Persidangan Antarabangsa PERPUN Kali ke 4, 2015 yang memba-wa tema Revolusi Informasi yang telah diadakan pada 11 – 12 Ogos 2015 bertempat di Hotel Avillion Legacy, Melaka.

Persidangan Antarabangsa PERPUN ini telah dirasmikan oleh YB. Datuk Wira Hj. Md Yunos bin Husin (Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi). Majlis ini juga dihadiri oleh YBhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahhib (Naib Canselor UTeM), Pengurusan Tertinggi UTeM, Dekan dan Ketua PTj UTeM, Ketua Pustaka-wan Universiti Awam dan Swasta, Guru-guru dan Media berjumlah 27 orang tetamu.

Persidangan pada kali ini turut menerima penyertaan seramai 43 orang peserta yang terdiri daripada Ketua Pustaka-wan, Timbalan Ketua Pustakawan, Pustakawan, Ketua Pusat Sumber, Pengurus dan Eksekutif syarikat korporat dari Perpustakaan Awam dan Swasta di dalam negara.

Sejumlah 11 kertas kerja telah dibentangkan oleh pembentang tempatan pada persidangan ini. Para peserta turut ber-peluang untuk berkongsi pengalaman dan mengemukakan soalan pada sesi soal jawab. Rata-rata peserta berasakan berpuas hati dengan pembentang kertas kerja dan penganjuran sulung persidangan oleh Perpustakaan UTeM.




Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara Perpustakaan UTeM dengan KYS International College

Tarikh : 13 Ogos 2015 Tempat : Kementerian Pengajian Tinggi, Putrajaya, Kuala Lumpur

Memorandum Perjanjian (MoA) ini diadakan berikutan permohonan keahlian luar secara berkumpulan oleh pelajar dan kakitangan Kolej Yayasan Saad International College bagi kemudahan merujuk dan meminjam sumber rujukan yang terdapat di Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Memorandum Perjanjian (MoA) ini telah ditandatangani oleh YBhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahhib (Naib Canselor UTeM) bagi pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) manakala Kolej Yayasan Saad pula diwakili oleh YBhg. Dato' Kamaruddin bin Haji Awang (Ketua Eksekutif KYS) dengan disaksikan oleh YB. Datuk Seri Idris bin Jusoh (Menteri Pengajian Tinggi) pada Majlis Perasmian *Higher Education Week* oleh YB Menteri Pengajian Tinggi bertempat di Kementerian Pengajian Tinggi, Putrajaya, Kuala Lumpur.

Perpustakaan UTeM telah menyediakan kemudahan keahlian luar kepada masyarakat luar sejak tahun 2004. Kemudahan ini bagi menyokong proses pembelajaran Sepanjang Hayat seperti mana perutusan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri di "*Blueprint Enculturation of Life Long Learning for Malaysia 2011-2020*". Secara tidak langsung ianya dapat melonjakkan kecemerlangan UTeM dengan menjadikan perpustakaan sebagai pusat rujukan setempat bagi memakmurkan komuniti yang berpengetahuan dan berbudaya ilmu. Diharapkan dengan MoA ini berupaya mengoptimumkan penggunaan sumber rujukan perpustakaan di kalangan pengguna perpustakaan.



You can use these 5 tips to expedite your reading speed while developing a deeper comprehension of the material you wish to absorb:

1. Learn How to Speed Read.

Attend a course or read a book on speed-reading. Use your hand to guide along the pages. This method allows you to relinquish your sub-vocalization (reading aloud in your mind). Skimming and scanning helps you do this. It was once said that Josef Stalin read 400 pages per day. John F. Kennedy read 1,200 wpm. They aren't my heroes, except only in reading speeds .

2. Don't Read Cover-to-Cover.

It's the biggest myth to read every book you encounter cover-to-cover. If you do this, you're taking too much time on trivial content instead of getting the most out of the book you read.

3. Set Time Limits.

Setting time limits on what you read can keep you focused. Give yourself four hours to read a 200- to 300-page book. Do it with unadulterated focus. Let there be no distraction as you romance your book.

4. Read the Easy Books First.

Most of this is about building confidence at first. Start small, then grow big!

5. Only Read the Best Books.

Before you begin a book, decide if it is worth reading. Obviously, you picked up the book to find a solution to one of your problems. Within the first 10 minutes, you should be able to decide if the book will help you solve that problem.

'BOOKSHELF NAVIGATOR'

Selaras dengan kehendak GEN-Y yang memerlukan maklumat dengan cepat maka aplikasi ini dibangunkan




“BOOKSHELF NAVIGATOR SEBAGAI PANDU ARAH UNTUK MEMBANTU PENGGUNA MENDAPATKAN BAHAN YANG DIINGINKAN”

Dalam mendepani teknologi yang semakin rancak berkembang ini, Unit Automasi terus berusaha untuk bersama-sama merentasi era ini dengan mempelbagaikan perkhidmatan yang lebih canggih dan interaktif. Selaras dengan kehendak generasi Y yang berkehendakkan informasi di hujung jari ini, Unit Automasi telah menghasilkan satu aplikasi 'Bookshelf Navigator' yang boleh digunakan oleh semua pengguna yang berkunjung ke perpustakaan.

Aplikasi Bookshelf Navigator ini diletakkan di Kiosk Perpustakaan yang terletak berdekatan dengan lokasi Kaunter Sirkulasi dan Meja Penasihat Pengguna. Bookshelf Navigator ini adalah sebagai pandu arah untuk membantu pengguna mendapatkan bahan yang diinginkan. Bookshelf Navigator akan membawa pengguna tersebut sehingga ke rak yang menempatkan bahan yang ingin dicari. Pengguna hanya perlu mencari nombor panggilan bahan tersebut melalui Web OPAC kemudian mencari bahan tersebut dengan menggunakan Bookshelf Navigator.

Pengguna hanya akan melalui langkah yang mudah di mana hanya perlu ada nombor panggilan, dan klik pada pengelasan nombor panggilan yang tertera di skrin Bookshelf Navigator tersebut dan klik lagi untuk melihat video pandu arah tersebut. Video tersebut akan memandu arah pengguna bermula daripada lokasi Kiosk Perpustakaan tersebut sehinggalah ke rak yang menempatkan bahan yang diperlukan.

Perancangan seterusnya bagi Bookshelf Navigator ini adalah penggunaan aplikasi Bookshelf Navigator melalui telefon pintar atau tablet. Ini akan lebih memudahkan pengguna untuk mencari bahan yang ingin dirujuk di rak di mana video ini akan dapat memandu arah secara lebih dekat dengan pengguna. Bagi merasai sendiri pengalaman menggunakan aplikasi Bookshelf Navigator ini, semua pengguna adalah dijemput untuk ke perpustakaan bagi mencari bahan yang diinginkan dengan lebih cepat dan mudah.



Dinding Perpustakaan Akademik

Pandangan Umum

Perpustakaan Akademik jika dilihat secara dasarnya adalah lebih menumpukan kepada warga sesebuah institusi tersebut. Pelajar, kakitangan dan warga pendidik didalam universiti secara umumnya. Masyarakat mungkin berasa atau beranggapan bahawa perpustakaan akademik ini hanyalah terfokus kepada mereka yang berpendidikan tinggi dan terhad disitu sahaja. Terdapat pra syarat tertentu yang dikenakan jika masyarakat ingin mengunjungi dan menggunakan kemudahan dan mengakses bahan koleksi yang terdapat di perpustakaan akademik. Adakah pandangan dan tanggapan sedemikian menguntungkan perpustakaan akademik? Apakah ilmu juga memerlukan sekatan dan kategori dalam erti perkongsian dan penyebaran?

Cabaran Teknologi Maklumat dan Bilangan Pengunjung

Dunia IT kini memungkinkan individu mendapat maklumat hanya dengan satu klik saja di dalam web. Apakah ini tidak memberi kesan kepada pengunjung perpustakaan? Pengunjung kini juga hadir dalam bentuk maya. Namun, ianya juga masih dibatasi oleh prasyarat khusus iaitu tertakluk pada keahlian seseorang. Masyarakat sekitar sudah semestinya perlu menjadi sebahagian daripada entiti ini

Pustakawan Perpustakaan Akademik

Peranan Pustakawan Akademik juga lebih tertumpu kepada pembangunan koleksi dan skop dokumentasi kerja bagi mencapai pengiktirafan dan persijilan badan-badan antarabangsa bagi mendapat nama yang gah untuk ditampal di dinding perpustakaan akademik. Apa guna segala pengiktirafan seandainya fungsi dan matlamat utama Perpustakaan Akademik masih lagi berada di takuk lama dan terbatas oleh kategori jenis perpustakaan. Kita mahu perpustakaan sentiasa dipenuhi pengunjung, kita mahu masyarakat juga bergerak seiring dengan arus perdana dan disini timbul persoalan utama Apakah yang masyarakat dapat dengan wujudnya Universiti dan Perpustakaan Akademik yang ada dikawasan mereka? Perpustakaan Akademik semakin Elitis? Masyarakat dan orang awam jika hendak membaca tempatnya di Perpustakaan Awam?



Perpustakaan Awam?

Budaya dan Senario Perpustakaan Akademik

Apabila Universiti memasuki musim cuti semester maka perpustakaan akan lengang sunyi, sepi dan hening. Selama mana pelajar bercuti, selama itulah situasi tersebut akan kekal. Bermula semester baru, ketika itulah suasana di perpustakaan kembali meriah. Paling meriah adalah ketika musim peperiksaan, berduyun pelajar akan mengunjungi perpustakaan untuk menelaah dan berbincang bersama rakan yang lain. Kitaran ini telah berlaku berpuluh tahun

Perpustakaan seharusnya dibuka untuk kegunaan semua orang, tidak kira sebagai ahli atau tidak ahli, umur, taraf kehidupan dan latarbelakang pendidikan. Perpustakaan sebagai gedung dan pusat penyebaran ilmu perlu bebas daripada pemikiran lapuk ini.

Aktiviti dan program perpustakaan akademik juga tidak perlu lagi dibelenggu dengan justifikasi sempit yang hanya terpusat pada sesuatu yang berbentuk terlalu ilmiah dan hanya dapat diimplimentasikan oleh golongan tertentu sahaja. Aktiviti dan program perpustakaan akademik seharusnya flexible untuk semua golongan. Kita nak tarik minat orang ramai, masyarakat untuk mendapat manafaat dari apa yang ada disekitar mereka.

DH (digital humanities) can be understood as the place where traditional humanities research methodologies and media/digital technologies intersect. Academic libraries can play a key role in supporting humanities faculty in their research by creating partnerships and collaborations and helping to connect with other campus units needed to implement and carry out digital humanities research. With the rise in opportunities to involve undergraduate students in an authentic research experience, academic libraries can identify and organize resources and partner with humanities faculty to teach the skills necessary for effective humanities research



Technology

LibLime KOHA

LibLime Koha is the most advanced open-source Integrated Library System in use today by hundreds of libraries worldwide. LibLime Koha is web based, so there is no software to install on desktop computers, and LibLime hosting services means that no servers are required in the libraries. LibLime's IT experts manage all upgrades, backups and general system maintenance, and the Library's local IT staff can focus on the Library's many other projects.



User Education Program (PPP)

The objective of this program is to teach the library skills to users, and how to use the services provided by UTeM library. This program is highly recommended for new and final year students. The class will be conducted by librarians following a fixed schedule or upon request. For more details please check on Library Portal.



TAKLIMAT PENGKATALOGAN BAHAGIAN PENGINDEKSAN

Taklimat Pengkatalogan kepada staf baru Bahagian Pengindeksan telah diadakan pada 18 Mac 2015, sesi taklimat bermula dari jam 2.30 petang sehingga 4.00 petang bertempat di Bilik Perbincangan Bahagian Pengindeksan. Ianya telah dihadiri oleh 6 orang staf bahagian termasuklah staf baru dan lama dalam bahagian berkenaan. Taklimat pengkatalogan disampaikan oleh Puan Noraini Mohd Noor.

Matlamat utama taklimat ini diadakan adalah untuk memberikan latihan terutamanya kepada staf baru agar mereka dapat menguasai asas pengkatalogan. Bagi staf lama pula, ianya bertujuan untuk berkongsi maklumat baru dan juga sebagai refreshment pengetahuan yang sedia ada.

Perkara penting yang ditekankan dan diberi perhatian dalam proses ini ialah dari segi penggunaan tag-tag di dalam proses penyediaan

peraturan pengkatalogan serta dasar yang digubal oleh unit sendiri. Sewaktu taklimat dijalankan, staf juga diberi peluang bersoal jawab terhadap kemusykilan yang berkaitan dengan aktiviti pengkatalogan.

Selain itu diharapkan taklimat ini dapat memantapkan kefahaman staf dalam proses pengkatalogan serta memastikan segala permasalahan kerja dapat diselesaikan dan diatasi oleh unit-unit yang terlibat.

PERPUSTAKAAN UTEM DI MEDIA SOSIAL


Media sosial kini menjadi semakin penting bagi perpustakaan. Kebanyakan perpustakaan mendapati jika digunakan dengan cara yang betul, media sosial mampu menjadi alat terbaik untuk mempromosi perkhidmatan dan koleksi perpustakaan. Sehubungan itu, Perpustakaan UTeM mengambil peluang dan inisiatif untuk bersama pengguna dengan mencipta Facebook, Twitter dan Instagram sendiri.



Facebook rasmi Perpustakaan UTeM telah dicipta pada tahun 2011. Sehingga kini terdapat lebih 2,400 orang pengikut laman sosial ini. Diharapkan dengan adanya laman sosial ini, ia menjadi medium alternatif untuk memberi maklumat asas perpustakaan. Pengunjung boleh melawat facebook Perpustakaan melalui alamat: <https://www.facebook.com/perpustakaanutem>




Twitter rasmi Perpustakaan UTeM dicipta pada bulan Mac 2013. Sehingga kini terdapat lebih 250 orang pengikut laman sosial ini. Melalui Twitter, segala aktiviti perpustakaan seperti waktu perkhidmatan, perkhidmatan perpustakaan dan berita-berita terkini tentang perpustakaan dan kepastawanan akan dikongsi untuk makluman pengguna. Twitter Perpustakaan UTeM boleh diakses pada alamat: <https://twitter.com/utemlibrary>



Laman Instagram Perpustakaan UTeM dibangunkan pada tahun 2014. Sehingga kini terdapat seramai 172 orang pengikut yang melayari laman sosial ini. Ia mengandungi foto-foto berkaitan perkhidmatan perpustakaan yang boleh dikongsi oleh pengguna laman tersebut untuk mendapatkan maklumat perpustakaan. Laman Instagram Perpustakaan UTeM boleh diakses seperti berikut: <https://www.instagram.com/utemlibrary>

BORDERLESS RESOURCES



INTERLIBRARY LOAN

Interlibrary Loan which known as **Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP)** is a service that provided by UTeM library to assist user to obtain materials such as book, article, conference or proceeding paper which is not available in our library collections from IPTA/ IPTS library institutions. For more options, it also extended from the overseas library.

“ UTeM endeavours to be one of the world’s leading innovative and creative technical universities.

Library plays a vital role in supporting of teaching, learning and research activities in term of information sources provided. ”



Perpustakaan,
Universiti Teknikal Malaysia Melaka,
Hang Tuah Jaya,
76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia.

Website:
<http://library.utem.edu.my/>



Free	Pay
APPLICANT	
UTeM staff and student	
MATERIAL	
Book Article Conference / Proceeding paper	
SOURCES	
IPTA/ IPTS Library	British Library National University of Singapore etc.
PAYMENT	
Free	Cash/ Research Grant

Application forms are available at the User Advisory Desk (MPP)
UTeM Library and Library portal

CONTACT:
noraini_mn@utem.edu.my [06-3316834]

SEKILAS 2015!!!

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2015 PERPUSTAKAAN UTeM

BIL	TARIKH	PERKARA
1.	7 Januari 2015	Majlis Penutup Festival Membaca 2014
2.	23 April 2015	Program Membaca 10 minit
3.	30 Mei 2015	Melestarikan Pusat Sumber SRA Jaim Tun Razak Bukit Katil
4.	9 Jun 2015	Penentuan Arah Kiblat
5.	8 Julai 2015	Program Semarak Sadaqah Bertaut Ukhwah
6.	9 Julai 2015	Program Iftar Ramadhan Perpustakaan
7.	13 Ogos 2015	Majlis Menandatangani MoA KYS International College dan UTeM
8.	11 – 12 Ogos 2015	Persidangan Antarabangsa PERPUN kali ke-4 : Revolusi Informasi
9.	25 – 26 Ogos 2015	Kursus Penganalisa Bahan Rujukan Ke Arah Kecemerlangan Perkhidmatan
10.	4 Disember 2015	Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian MOA antara KYS Business School dan Perpustakaan UTeM
11.	10 Disember 2015	Taklimat kesedaran MS ISO 9001:2008
12.	17 Disember 2015	Audit Dalaman MS ISO 9001:2008 Perpustakaan
13.	28 – 29 Disember 2015	Audit Pemantauan MS ISO 9001:2008 oleh SIRIM QAS

